

Tenang bukti kewibawaan Pak Lah

KUALA LUMPUR: Sikap tenang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadapi kenyataan keras Tun Dr Mahathir Mohamad terhadapnya membuktikan kewibawaan Perdana Menteri dalam memikul tanggung jawab serta melaksanakan tugasnya.

Pemerhati politik berpendapat, kenyataan Abdullah kelmarin bahawa kritikan Dr Mahathir tidak menjejaskan tumpuannya daripada meneruskan agenda pembangunan negara juga menggambarkan kematangan.

Selain itu, kenyataan Perdana Menteri bahawa Dr Mahathir berhak membuat kritikan itu dan tidak mahu ia diperbesarkan juga mencerminkan sikap terbuka Abdullah serta mampu menyebabkan rakyat lebih yakin ter-

hadap kepemimpinan beliau.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata Perdana Menteri mempunyai pilihan membalas kritikan itu tetapi beliau memilih berdiam diri dan menyatakan Dr Mahathir berhak berbuat begitu.

"Ia adalah reaksi 'terhormat' Perdana Menteri dan beliau tenang serta menjelaskan tumpuannya tidak terjejas. Respons inilah yang terbaik," katanya ketika diminta mengulas reaksi Abdullah terhadap kritikan Dr Mahathir.

Kelmarin, Abdullah berkata, kritikan yang dibuat Dr Mahathir terhadapnya tidak akan menjejaskah tumpuannya melaksanakan agenda

pembangunan negara serta enggan memanjangkan isu itu.

Presiden, Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM), Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif, berkata respons Abdullah itu memberi keyakinan rakyat terhadap kewibawaannya memimpin negara.

"Walaupun dalam menghadapi sesuatu yang bersifat provokatif serta boleh mencetuskan konflik, Perdana Menteri kekal dengan ciri kepimpinannya yang tenang dan berhemah, seperti yang diharapkan rakyat,

"Inilah ciri istimewa Perdana Menteri yang mungkin juga antara kriteria Dr Mahathir memilih beliau sebagai penggantinya," katanya yang berharap konflik atau kritikan itu tidak akan berpanjangan.

Penganalisis politik, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, pula berkata pendekatan Abdullah menangani kritikan berkenaan menunjukkan sikapnya sejak dulu yang memang tidak suka bertelagah atau bergaduh.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri perlu berhati-hati kerana walaupun tidak mengulas panjang kerana tidak mahu memanjangkan isu berkenaan, tetapi dibimbangi ada yang menjawab bagi pihak beliau.

Dr Khoo berharap kedua-dua tokoh itu dapat bertemu mencari persefahaman bagi menyelesaikan perselisihan supaya tidak wujud dua puak dalam parti politik utama negara kerana masing-masing mempunyai penyokong.